

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Salam sejahtera dan salam Pulau Pinang 2030 diucapkan kepada semua. Terima kasih diucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Sidang Muda 2022 Penggal Pertama ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Memupuk Kesedaran Politik Dalam Kalangan Belia

Saya akan memulakan ucapan saya dengan beberapa fakta ringkas. Kita sedia tahu bahawa Parlimen telah meluluskan Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi UNDI18 pada tahun 2019. Pindaan tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2022. DUN Pulau Pinang dan beberapa negeri lain juga telah bersetuju untuk meminda Perlembagaan Negeri masing-masing bagi membolehkan calon berumur 18 tahun untuk bertanding. PRN Johor pada bulan Mac lepas telah melibatkan pengundi berumur 18 hingga 20 tahun.

Saya amat bersyukur terhadap program yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti Program Calon18: Edisi Pulau Pinang, Sidang Muda, dan Kempen UNDI18. Namun begitu, masih terdapat ramai belia yang telah bosan dengan kemelut politik yang berlaku disebabkan pertukaran kerajaan Persekutuan diikuti dengan kerajaan beberapa buah negeri sejak awal tahun 2020, ataupun dikenali sebagai Langkah Sheraton. Adalah sangat penting untuk kita mendidik anak muda bahawa hal ini tidak sepatutnya berlaku dan menerangkan kepada mereka apakah proses peralihan kerajaan yang sebenarnya.

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam Dewan Yang Mulia ini, saya ingin mencadangkan bahawa EXCO Belia dan Sukan boleh melaksanakan program dan kempen untuk memberikan pendedahan tentang politik kepada para belia supaya mereka lebih cakna terhadap politik. Saya akan memberikan dua contoh:

Pertama, kursus tentang ilmu asas pentadbiran negara dan negeri. Kursus ini bukan sekadar melontarkan ilmu pengetahuan kepada belia, tetapi juga bertujuan mendidik belia bahawa betapa pentingnya politik dalam kehidupan kita. Sebagai contoh, kita boleh memperkenalkan doktrin pengasingan kuasa yang merangkumi perkara-perkara seperti pelantikan anggota eksekutif, proses legislatif di DUN dan Parlimen, hierarki mahkamah dan sebagainya.

Kedua, sesi dialog bersama dengan belia. Dengan mengadakan sesi sebegini, tentunya belia akan berasa bahawa pemimpin adalah prihatin terhadap pandangan mereka dan mereka sebagai seorang rakyat mampu memberikan impak dalam pentadbiran negeri dan pengubalan enakmen. Walaupun belia mungkin tidak mempunyai pengalaman politik yang dalam, tetapi mereka boleh memberikan pendapat mereka yang kreatif dan inovatif daripada sudut pandangan yang berbeza.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya faham bahawa tanggungjawab ini bukan sekadar digalas oleh EXCO kita, tetapi usaha juga diperlukan daripada pihak lain seperti JBPP, PYDC dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa kuasa eksekutif tetap terletak pada tangan EXCO dan tentunya saya juga berharap semua pihak boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam hal ini.

Natijahnya, dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan, kita harus menggalakkan penglibatan para belia yang mewakili fahaman dan parti politik yang berbeza, dan meraikan perbezaan tersebut melalui perbincangan dan perbahasan yang matang serta bernas dalam Dewan Yang Mulia ini, semuanya demi negeri dan negara yang tercinta.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Sekian, terima kasih.

Brandon Loo Zhe Yu

N28 Komtar

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama